

Kakitangan UKMS dijangka akan diserap jabatan2 negeri

Oleh YATIM TAUBATAL ANDAM

KOTA KINABALU, Sabtu - Semua kakitangan Universiti Kebangsaan Malaysia Kampus Sabah (UKMS) dijangka akan diserapkan ke jabatan dan agensi kerajaan negeri Sabah pada Julai tahun depan.

Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Malaysia, Dato' Haji Shamsuddin Dahlan berkata, setakat ini pihaknya sedang berunding dengan agensi dan jabatan kerajaan terbabit.

Bagaimanapun, beliau tidak menyebut agensi atau jabatan kerajaan terbabit tetapi membayangkan semua kakitangan terbabit akan mendapat pekerjaan di sini.

Beliau juga berkata, kakitangan tetap UKMS yang berasal dari Semenanjung akan dipindahkan ke Bangi, Selangor. Manakala UMS dijangka mengambil beberapa kakitangan tetapi dengan peralihan yang baru.

"Setakat ini, ada agensi dan jabatan kerajaan negeri berminat mengambil kakitangan UKMS, tetapi ia bergantung pada jawatan tertentu dan belum lagi menawarkan sebarang jawatan, sehingga pada satu masa kakitangan terbabit akan dipanggil untuk temuduga," katanya.

Beliau berkata demikian kepada Harian Ekspres selepas mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Untuk Mengkaji Kedudukan Anggota Akademik dan Bukan Akademik, Universiti Kebangsaan Malaysia Kampus Sabah, di Kampus Menggatal, pagi tadi.

Turut hadir pada mesyuarat itu ialah wakil daripada UKM, UMS, Jabatan Perkhidmatan Awam Cawangan Sabah, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Cawangan Sabah dan Setiausaha Persekutuan Sabah.

Shamsuddin berkata, pada masa yang sama UKM tidak menghadapi masalah untuk meneruskan peralihan memindahkan semua jabatan ke Bangi dan semua pemindahan itu akan mengikut jadual tamat tempohnya pada Julai tahun depan.

Pada masa kini, ada kira-kira 120 kakitangan am

UKMS, kebanyakannya berasal dari Sabah yang menunggu penyerapan mereka ke jabatan atau agensi lain di negeri ini.

Sebelum ini, walaupun Naib Canselor UKM, Prof Dato Dr Sham Sani memberi jaminan, kakitangan berasal dari negeri ini akan diserapkan sama ada ke UMS atau jabatan dan agensi kerajaan, namun ramai kakitangan yang merasakan masa depan mereka sukar untuk diramal.

Sham berkata, kakitangan UKM diberi pilihan sama ada meneruskan khidmat di UKM Bangi; berpindah ke UMS atau jika enggan ke Bangi diberi pilihan dibersarakan.

Ini berikutan UMS akan beroperasi pada Julai tahun ini dan UKM memindahkan kampusnya ke Bangi, Selangor. Apabila UMS beroperasi awal tahun ini, ia dijangka tidak akan mengambil semua kakitangan UKMS berasal negeri ini serta tiada sebarang tanda jabatan dan agensi kerajaan di

sini berminat menawarkan sebarang jawatan pada masa ini.

Bagaimanapun, hari ini Shamsuddin berkata, kakitangan UKMS tidak perlu bimbang dengan perkembangan sekarang kerana banyak agensi dan jabatan kerajaan sedang menimbang menawarkan jawatan kepada mereka.

Menurutnya, apabila peralihan UKMS ke Bangi selesai tahun hadapan, pihaknya optimistik masalah kakitangan mendapatkan kerja akan selesai.

Sementara itu, beliau juga berkata, UMS akan mengambil alih tapak UKMS di Menggatal untuk dijadikan kampus semmentaranya pada Julai tahun hadapan.

Kampus itu dijangka akan digunakan dalam tempoh lima tahun, apabila pembinaan kampus tetap yang letaknya di Teluk Sepanggar siap pada tahun 2000. Kos perbelanjaan kampus tetap itu ialah RM780



Dato Haji Shamsuddin Dahlan

juta.

Menurut sumber UMS hari ini, kampus tetap itu dijangka siap pembinaan dalam tempoh lima tahun bagi membolehkan konveksyen pertamanya diadakan di situ.